

PENGUATKUASAAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH BERHUBUNG KESUSILAAN DI NEGERI MELAKA: KAJIAN DAN SARANAN PENAMBAHBAIKAN

Maffuza Salleh

Pensyarah di Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
maffuza@kuis.edu.my

Azizah Mat Rashid

Pensyarah di Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
azizahrashid@kuis.edu.my

Nor 'Adha Ab Hamid

Pensyarah di Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
noradha@kuis.edu.my

Mohd Farok Mat Nor

Pensyarah di Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mohdfarok@kuis.edu.my

Abstrak

Kesopanan dan kesusilaan merupakan rukun negara kelima yang mesti didokong dan dipelihara untuk menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara. Tingkah laku sopan juga mengandungi suatu darjah kesusilaan yang tinggi dalam kehidupan bernegara. Prinsip ini menjadi panduan supaya perilaku masyarakat khususnya umat Islam sentiasa terpelihara dan berkembang sesuai dengan keperibadian bangsa dan agama. Ia juga menepati maqasid syariah iaitu hifz al-din. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengaplikasi metode dokumentasi dan metode temubual bagi mendapatkan segala data dan maklumat yang diperlukan. Objektif kajian adalah untuk melihat adakah peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan kesusilaan dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 komprehensif dan efisien untuk dilaksanakan. Kajian juga menganalisis cabaran dan kelemahan yang wujud dalam penguatkuasaan jenayah syariah di Malaysia amnya dan di Melaka khususnya. Kajian mendapati penguatkuasaan undang-undang yang berkesan dan menyeluruh amat penting sebagai salah satu kaedah dalam membendung masalah berkaitan kesalahan tatasusila. Kajian ini juga mengutarakan beberapa saranan penambahbaikan kepada pihak pelaksana dasar dan undang-undang bagi membantu meningkatkan mutu penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah sedia ada di Malaysia amnya dan di Melaka khususnya. Disamping penguatkuasaan undang-undang, pelan tindakan dan strategi yang rapi secara berterusan perlu diambil oleh semua lapisan masyarakat, pihak berwajib, pemimpin, pendidik, ibu bapa dan setiap individu dalam menangani permasalahan ini.

Kata kunci: Penguatkuasaan, Kesusilaan, Enakmen jenayah syariah

1.0 Pendahuluan

Mendaulatkan perundangan Islam di Malaysia adalah amatlah penting dan menjadi satu keperluan di era globalisasi ini. Pendekatan dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang perlulah sesuai dan berkesan pada masa kini kerana zaman telah berubah dan menuntut kepelbagaian mekanisme dalam mencapai keadilan dan tidak terkeluar dari kerangka Islam. (Zaleha Kamaruddin, 2011). Ini disokong oleh Sultan Perak Sultan Nazrin Shah dalam titah baginda, kedaulatan

undang-undang dinilai dari segi penguatkuasaan dan pelaksanaannya secara adil dan saksama terhadap setiap rakyat tanpa gentar dan pilih kasih.(BERNAMA,14 April 217). Penambahbaikan dan transformasi terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang Islam khususnya undang-undang jenayah syariah perlu dilaksanakan dengan lebih mantap dan efisien bersesuaian dengan cabaran semasa melalui penglibatan pelbagai pihak agar maqasid syariah iaitu *hifz al-din* dapat dicapai.

2.0 Definisi Tatasusila

Tatasusila ditakrifkan sebagai adat sopan santun dan budi pekerti yang baik. Takrifan ini dilihat mempunyai persamaan dengan maksud akhlak iaitu budi pekerti, kelakuan atau tabiat. Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan moral sebagai ajaran atau pegangan tentang buruk baik sesuatu perbuatan, sikap atau cara berkelakuan yang berasaskan atau diukur dari segi baik buruk sesuatu akhlak. Persamaan ini disokong oleh Siti Zubaidah Ismail (2008) yang menyatakan bahawa kesalahan berkaitan akhlak ini juga kadang-kala dirujuk sebagai kesalahan berkaitan moral. Penulis mendapati bahawa istilah tatasusila, akhlak dan moral adalah saling berkait dan merujuk kepada takrifan yang sama.

3.0 Penguatkuasaan Jenayah Syariah

Penguatkuasaan jenayah syariah merujuk kepada melaksanakan peraturan yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang Islam yang sedang berkuatkuasa seperti peruntukan yang terdapat di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Kesalahan jenayah syariah ini boleh dianggap sebagai jenayah tanpa mangsa (*victimless crime*). Undang-undang yang berkait dengan jenayah tanpa mangsa ini seringkali mencetuskan kontroversi di kalangan masyarakat kerana ia berkait dengan tingkahlaku dan standard moral yang dianggap urusan peribadi. Contoh kesalahan adalah seperti perjudian, pelacuran, penyalahgunaan dadah, minum arak dan hubungan terlarang. Impak kesalahan ini menjejaskan kesucian agama, menggugat keamanan dan memberi kesan kepada akhlak dan moral masyarakat. Siti Zubaidah Ismail (2008). Bagi maksud menjaga agama, kesalahan berkaitan tatasusila adalah amat penting untuk dibanteras melalui penguatkuasaan undang-undang yang menyeluruh dan berkesan. Pelaksanaan penguatkuasaan juga mestilah berpandukan etika yang ditetapkan dalam Arahan Tetap Ketua Pengarah JAIN bagi memastikan tindakan pihak penguasa adalah telus, cekap dan adil serta dijauhi dari tohmahan masyarakat.

4.0 Bahagian penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Bahagian ini diketuai oleh Datuk Hj. Rahimin Bin Bani, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan. Beliau bertanggungjawab melapor kepada Ketua Pengarah JAIM. Objektif bahagian ini adalah melaksanakan penguatkuasaan Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka dengan tegas dan berkesan.

Bahagian ini menjalankan fungsi seperti berikut:

- Menerima dan menguruskan maklumat awam berkaitan dengan kesalahan-kesalahan syariah.
- Menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap maklumat-maklumat awam berkaitan kesalahan syariah.
- Melaksanakan perintah-perintah mahkamah ke atas pesalah syariah
- Melaksanakan peruntukan undang-undang syariah yang terkandung di dalam enakmen-enakmen yang berkuatkuasa di Negeri Melaka.

Piagam bahagian ini adalah:

- Membuat siasatan aduan dalam tempoh 48 jam
- Siasatan kes disempurnakan dalam tempoh 30 hari
- Mengemukakan laporan pelaksanaan waran tangkap kepada mahkamah dalam tempoh 7 hari sebelum tarikh perbicaraan
- Menjaga kerahsiaan maklumat pengadu dan kes yang belum disabitkan kesalahannya.
(<http://www.jaim.gov.my/Bahagian/Penguatkuasaan>)

Terdapat empat unit dalam bahagian penguatkuasaan JAIM iaitu unit siasatan, unit operasi, unit pencegahan dan unit pentadbiran.
(<http://penguatkuasaanjaim.blogspot.my/p/info-bahagian.html>)

4.1 Perjawatan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka

JAWATAN DAN GRED	gred
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan S48	S 48
Pen Pengarah 1 Ketua Unit Siasatan S44	S 44
Pen Pengarah 2 Ketua Unit Operasi S41	S 41
Pen Pengarah 3 Ketua Unit Pencegahan S41	S 41
PENOLONG-PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM Unit Siasatan S32 Unit Operasi S27 Unit Siasatan S27 Unit Operasi S27 Unit Operasi S27 Unit Siasatan S27	S32 = 1 jawatan S27= 5 Jawatan
PEMBANTU-PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM (KANAN / TADBIR) (S26) Unit Pencegahan (S22) Unit Operasi <u>Kosong (S22) Unit Siasatan</u> (S22) Unit Siasatan (S22) Unit Pencegahan (S22) Unit Siasatan (S22) Unit Operasi (S17) Unit Operasi (S17) Unit Operasi (S17) Unit Operasi (S17) Unit Operasi (S17) Unit Operasi (S17) Unit Siasatan (S17) Unit Siasatan (S17) Unit Operasi (S17) Unit Siasatan Kosong (S17) Unit Siasatan	16 jawatan 1 kosong S26= 1 jawatan S22 =5 jawatan S17 = 10 jawatan
<u>STAFF PENTADBIRAN</u>	N22= 1 jawatan

	<p><i>Kosong</i> (N22) - Ketua Pembantu Tadbir (CC) (N17) - Pembantu Tadbir (N1) - Pembantu Am Rendah (R1) - Pemandu (R1) - Pemandu</p>	<p>N17= 1 jawatan N1= 1 jawatan R1= 2 jawatan</p>
--	---	---

Jadual di atas menunjukkan perjawatan bahagian penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka. Para penguat kuasa agama merupakan mereka yang terdiri daripada pegawai hal ehwal agama Islam yang berskema "S". Kelayakan bagi pegawai skim ini tidak mensyaratkan pemohonnya memiliki latar belakang atau pengetahuan dalam bidang undang-undang. Sedangkan akta dan enakmen yang dirangka menggunakan susunan dan terma tertentu yang hanya dapat difahami oleh individu berlatarbelakangkan undang-undang. Tiada latar belakang undang-undang dilihat sebagai salah satu faktor kelemahan yang merencatkan tindakan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah; sehingga tahun 2008 para pegawai pendakwa syarie telah ditukar kepada skim "LS" dengan syarat wajib bagi skim ini ialah mempunyai latar belakang undang-undang atau telah mengambil program Diploma Shariah Law Practice (DSLPP), Diploma in Law and Administration of Islamic Judiciary (DAIJ) atau Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam. Langkah ini dilihat boleh meningkatkan kualiti para pegawai pendakwa Syarie. Malangnya, tiada pertukaran skim untuk jawatan penguat kuasa agama. Ibrahim Deris, Hanifah Haydar Ali Tajuddin, 2015. Ini disokong oleh Siti Zubaidah Ismail 2008 yang menyatakan bahawa jika rata-rata pegawai penguatkuasa agama merupakan penyandang jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI bagi gred S41 dan ke atas) atau Pembantu Pegawai Hal Ehwal Islam (PPHEI bagi gred S17 hingga S32). PHEI lazimnya terdiri daripada pemegang ijazah dalam bidang Pengajian Islam (tidak semestinya undang-undang syariah), manakala PPHEI pula memiliki diploma. Kebanyakan mereka tidak mempunyai latarbelakang undang-undang syariah. Pelbagai masalah timbul kerana pemahaman undang-undang syariah khususnya akta/enakmen kesalahan jenayah syariah dan enakmen tatacara jenayah syariah merupakan perkara asas dalam menjalankan tugas harian.

5.0 Kesalahan Berkaitan Kesusilaan Dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri

Berikut adalah Peruntukan kesalahan kesusilaan dalam Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri:

BIL	NEGERI	ENAKMEN	PERUNTUKAN KESALAHAN
1	Selangor	Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995	Bahagian IV Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesusilaan
2	Wilayah Persekutuan	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997	Bahagian IV Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesusilaan
3	Negeri Sembilan	Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 2004	Darihal kesalahan mengenai kehormatan diri
4	Melaka	Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991	Bahagian IV Kesalahan – kesalahan lain
5	Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985	Bahagian II- Kesalahan – kesalahan

6	Terengganu	Enakmen Jenayah Syariah(Takzir) (Terengganu) 2001	Bahagian IV Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesusilaan
7	Pulau Pinang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996	Bahagian IV Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesusilaan
8	Kedah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014	Bahagian II- Kesalahan – kesalahan
9	Perlis	Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991	Bahagian II- Kesalahan – kesalahan
10	Perak	Enakmen Jenayah (Syariah) 1992	Kesalahan Berhubungan Dengan Maruah Diri
11	Johor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Bahagian IV Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesusilaan
12	Pahang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013	Bahagian IV Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesusilaan
13	Sabah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995	Bahagian IV Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesusilaan
14	Sarawak	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Bahagian IV Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesusilaan

Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan negeri telah membuat pindaan terhadap enakmen jenayah syariah negeri masing-masing pada tahun 2000 ke atas seperti Negeri Sembilan 2004, Terengganu 2001, Sarawak 2001 dan terbaharu negeri Kedah pada tahun 2014. Bagi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang kesalahan kesusilaan telahpun diperuntukkan dalam bab yang khusus. Negeri Melaka tidak memperuntukkan kesalahan kesusilaan dalam bab khusus dan dilaporkan bahawa EKJS Melaka dalam proses pindaan. Ini dinyatakan dalam temubual bersama Ketua Pendakwa Syarie Melaka : *“Saya setuju... Kalau buat begitu senang sikit ...khusus tatasusila sebab Melaka ni dia takde berasingan ia duduk bersama dalam kesalahan lain khususnya tatasusila, saya tak pasti di negeri lain ...saya setuju sangat lah ...”*

saya amat sokong sangat lah nak buat pindaan ni, khususnya bahagian tatasusila dan saya amat mengalu-alukan untuk adakan seksyen-seksyen baru yang difikirkan perlu...”

Kita juga dapat melihat wujudnya ketidakseragaman dalam peruntukan kesalahan tatasusila dalam enakmen negeri-negeri sama ada jenis kesalahan mahupun hukuman. Oleh itu peruntukan undang-undang yang lebih seragam dan sistematik tentang kesalahan yang berhubung dengan tatasusila dapat menampung kelompongan sedia ada. Ekoran daripada itu, **(Ainul Bashirah, Zuliza & Mat Nor, 2012)** di dalam kajian mereka sangat menekankan mengenai kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan. Mereka menyentuh dengan mendalam mengenai kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan di tempat awam yang merangkumi aspek hukuman dan praktikalitinya. Pendekatan yang sama telah diambil oleh **(Mohd Azhar bin Abdullah, 2015)** pula mengkaji mengenai kesalahan tatasusila yang dilakukan di luar negara, menjelaskan dengan terperinci mengenai kesalahan dan konsep tatasusila yang mana pada pandangan beliau mengaitkan kesalahan tatasusila ini berkaitan dengan akhlak murni masyarakat Melayu-Islam Nusantara yang menjadi amalan secara adat resam mahupun tuntutan agama, maka penggubalan undang-undang yang menyeluruh dan bersifat semasa perlu dilakukan untuk memeliharanya.

Maka kajian ini akan mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi menampung kelompongan yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu dengan menyatakan dengan lebih teratur mengenai setiap kesalahan tatasusila dan moral beserta cadangan penambahbaikan. Shamrahayu (2015) berpandangan bahawa kewujudan undang-undang prosedur yang lengkap dengan kebolehan agensi penguatkuasa yang mantap penting dalam setiap penguatkuasaan

jenayah. Seterusnya, menurut Shamrahayu (2016), undang-undang jenayah Islam di Malaysia mempunyai asas dan kedudukan yang selesa kerana telah digunakan dan terbukti telah berkembang di semua negeri Melayu. Namun, sama ada penguatkuasaan tersebut dapat dilaksanakan dengan mantap, perlu dianalisis masalah dan kekangan yang dihadapi pihak penguatkuasa, seterusnya menilai sejauh mana ia memberi kesan kepada proses pelaksanaan undang-undang jenayah syariah itu sendiri. Oleh itu penulis akan menjelaskan peranan bahagian penguatkuasaan serta menganalisis cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh bahagian penguatkuasaan Melaka secara khusus.

5.1 Peruntukan Berkaitan Kesalahan Tatasusila Dalam Ejs Melaka

EKJS Melaka 1991 memperuntukkan kesalahan berkaitan tatasusila dalam Bahagian IV Kesalahan Lain. Dengan kata lain, EKJS Melaka tidak meletakkan kesalahan tatasusila di bawah bahagian yang khusus. Kajian ini bertujuan melihat keperluan menilai semula peruntukan undang-undang jenayah Syariah yang menjadi halangan dan kekangan kepada penguatkuasaan, menganalisis kekurangan pada beberapa peruntukan sedia ada dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya dan bersesuaian dengan perubahan semasa serta relevan dengan situasi yang ada.

Daripada analisis yang dilakukan, penulis mendapati terdapat lapan seksyen memperuntukkan tentang kesalahan tatasusila seperti berikut: Seksyen 53 bersekediaman, Seksyen 56 liwat, Seksyen 57. Percubaan liwat, Seksyen 58 Perhubungan jenis luar tabii, Seksyen 59. Musahaqah, Seksyen 71. Perbuatan tidak sopan, Seksyen 72 Lelaki berlagak seperti perempuan, Seksyen 77 Muncikari. Daripada lapan seksyen tersebut, hanya lima seksyen sahaja yang kerap dibuat dakwaan berdasarkan temubual bersama ketua Pendakwa Syarie Melaka, "... yang kerap 5 seksyen yang keraplah... iaitu Seksyen 55, ... iaitu *Persetubuhan haram Seksyen 54 hamil luar nikah Seksyen 53 khalwat, Seksyen 72 lelaki berlagak seperti perempuan Seksyen 71 perbuatan dan berpakaian tidak sopan di tempat awam ... 2016 last tu dia menurun... sebab kita mula gempur tahun 2015 KPS*

Seksyen 53. Bersekediaman.

(1) **Seorang lelaki** yang didapati bersekediaman atau berkurung atau bersunyian yang mendatangkan syak di mana-mana tempat dengan **seorang perempuan yang bukan muhrimnya** selain daripada isterinya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi dari dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) **Seseorang perempuan** yang didapati bersekediaman atau berkurung atau bersunyian yang mendatangkan syak di mana-mana tempat dengan **seorang lelaki yang bukan muhrimnya** selain daripada suaminya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) **Seorang lelaki** didapati bersama-sama dengan **lebih daripada seorang perempuan yang bukan isterinya atau bukan muhrimnya** di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing dalam keadaan yang mendatangkan syak bahawa mereka akan melakukan maksiat adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-dua-duanya sekali.

(4) **Seseorang perempuan** didapati bersama-sama dengan **lebih daripada seorang lelaki yang bukan suaminya atau bukan muhrimnya** di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik pada mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing di dalam keadaan yang mendatangkan syak bahawa mereka akan melakukan maksiat adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda **tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.**

Ketua Penguatkuasa Agama Melaka yang ditemubual menyatakan kesalahan yang paling tinggi berlaku adalah khalwat seperti pernyataan berikut: *“Kalau ikut data, yang berkhalwat ni pun agak tinggi berbanding dengan yang lain lain lah, kalau ikut data yang paling tinggi sebenarnya khalwat lah kerana benda tu mudah berlaku, sebab elemen-elemen bersekediaman ataupun yang biasanya khalwat ni mudah berlaku... dalam kereta berdua-duaan boleh dikategori di bawah Seksyen 53, apatah lagi di hotel apatah lagi di rumah. elemen-elemen dalam 53 ada empat kategori maknanya bukan seorang lelaki seorang perempuan, maknanya dua lelaki seorang perempuan pun boleh yang dikategori sebagai khalwat... agak mudah untuk diambil tindakan ke atas kesalahan Seksyen 53 yang bukan sahaja yang menangkap tadi bahagian penguatkuasaan, tetapi pihak polis sendiri pun ada autoriti untuk membuat tangkapan...KPPA khalwat berlaku di kampung-kampung, rumah sewa, dan di taman dan sebagainya. dan pihak yang ada autoriti yang buat tangkapan adalah pegawai masjid imam 1, imam 2...”*

Seksyen 55. Bersubahat melakukan kesalahan persetubuhan haram.

Seseorang yang bersubahat melakukan persetubuhan haram adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada **tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.**

Ketua Penguatkuasa Agama menjelaskan kenapa pesetubuhan haram disebut sebagai bersubahat:

“...Dia sebut subahat... Sebab kita kena lihat juga orang dahulu menyusun dia mengelak daripada tuduhan zina, banyak negeri telahpun menukar tuduhan zina kepada persetubuhan haram. percubaan subahat kita ada seksyen percubaan persetubuhan haram walaupun benda tu dah berlaku sebab bila zina, kita tahulah kesaksian yang tinggi 4 orang sahaja yang ada nampak dan sebagainya ...apa maka pengubalan undang-undang mungkin meletakkan percubaan dan juga yang tadi subahat.”

Seksyen 56. Liwat.

Mana-mana orang dengan sengaja melakukan liwat adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 57. Percubaan liwat.

Mana-mana orang dengan sengaja cuba melakukan liwat adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 58. Perhubungan jenis luar tabii.

Sesiapa yang mengadakan perhubungan jenis dengan mana-mana lelaki, perempuan atau binatang dengan cara berlawanan dengan tabii semulajadi hendaklah dikenakan takzir dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda **tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dari tiga puluh enam bulan atau dirotan tidak melebihi enam kali rotan atau mana-mana gabungan dari hukuman tersebut.**

Seksyen 59. Musahaqah.

Mana-mana seorang perempuan dengan sengaja melakukan musahaqah dengan seorang perempuan yang lain adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda **tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.**

Seksyen 71. Perbuatan tidak sopan.

(1) Sesiapa yang melakukan perbuatan atau berkelakuan atau berpakaian tidak sopan yang **bertentangan dengan Hukum Syarak** di mana-mana tempat awam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Seseorang lelaki yang didapati bercumbu-cumbuan di mana-mana tempat dengan seorang perempuan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Seseorang perempuan yang didapati bercumbu-cumbuan di mana-mana tempat dengan seorang lelaki adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen ini dianggap menyeluruh dan berkesan untuk dikuatkuasakan berdasarkan temubual bersama Ketua Penguatkuasa Agama Melaka: “...seksyen 71 kekalkan dan kita tak nak ikut negeri lain yang agak longgar, sebab saya nampak memang ada trend seolah nak melonggarkan Seksyen 71 ...nanti perlu tafsiran dan sebagainya itu payah...”

Seksyen 72. Lelaki berlagak seperti perempuan.

Seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam **tanpa alasan yang munasabah** adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 77. Muncikari.

Sesiapa yang didapati menjadi muncikari adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

5.2 Cadangan Penambahbaikan Bagi Peruntukan Undang-Undang

Daripada analisis dokumentasi dan temubual yang dijalankan, penulis merumuskan beberapa saranan penambahbaikan yang dianggap penting dalam memperkasakan bahagian ini:

1. Cadangan penambahbaikan bagi seksyen 53 dan seksyen 71(2)(3):

Ketua Hakim Syarie Melaka Ketika ditemubual menyatakan perkataan ‘seseorang’ dalam kedua-dua seksyen perlu dipinda dengan perkataan ‘mana-mana orang’.

“...seseorang” sama ada dalam perbuatan tidak sopan ataupun bersekediaman dia sebut seseorang lelaki atau seseorang wanita... Jadi kita cadangkan untuk kita pinda yang baru ni mana-mana lelaki maknanya Mungkin perbuat untuk dibuat secara beramai-ramai kalau kita punya enakmen seolah-olah seorang dengan seoranglah sekarang kita tambah kepada “mana-mana”...

2. Mengadakan satu bahagian khas bagi kesalahan kesusilaan. Menambah peruntukan di dalam enakmen kesalahan jenayah syariah seperti galakan maksiat dan anak dara lari dari jagaan.
3. Meminda hukuman yang lebih berat atau maksimum penjara 3 tahun, denda RM5000 dan 6 sebatan bagi kesalahan berulang seperti khalwat, zina dan hamil luar nikah.
4. Mengadakan hukuman alternatif yang mampu memberi keinsafan kepada pesalah seperti khidmat ummah bagi kesalahan yang berulang.
5. Mengadakan peruntukan reman bagi membolehkan PPA menahan suspek melebihi 24 jam.
6. Mengadakan peruntukan untuk menyediakan bilik lokap di bawah kuasa negeri.

6.0 Strategi Jaim Dalam Membendung Masalah Kesusilaan Di Melaka

6.1 Ceramah dan kursus kepada pesalah jenayah syariah

Ketua Penguatkuasa Bahagian Agama JAIM, Tuan Rahimin Bani menyatakan JAIM mempergiatkan program ceramah dan kursus agama terhadap pasangan Islam yang ditahan kerana melakukan kesalahan syariah untuk memberi kesedaran kepada mereka atas kesalahan yang dilakukan. Antara kesalahan yang dilakukan oleh kebanyakan peserta kursus adalah bersekedudukan, berjudi, hamil luar nikah dan perbuatan tidak sopan di khalayak ramai.

Antara pengisian kursus adalah nasihat, kaunseling, ceramah dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Pelbagai aspek diberi penekanan terutama soal undang-undang syariah kepada peserta kursus. Ceramah yang diadakan tidak semata-mata bertujuan untuk memberi tekanan mental kepada peserta tetapi lebih kepada mendidik dan memberi keinsafan atas kesalahan yang dilakukan. Program ini juga bertujuan memberi kefahaman dan motivasi serta kesedaran mengenai hak-hak mereka semasa perbicaraan. (Temubual bersama Ketua Penguatkuasa Agama Melaka, 7 Jun 2017)

6.2 Program kesedaran jenayah syariah di sekolah-sekolah, IPT, agensi kerajaan dan tentera

Pelbagai program, pameran, forum kursus diadakan di sekolah-sekolah, IPT, agensi kerajaan dan juga tentera telah dilaksanakan.

Ketua Penguatkuasa Agama Melaka menyatakan:

“Kita masuk jugak...Jemputan sekolah melalui program program tajaan mereka pelbagai nama digunakan dan juga ada pihak pihak sekolah termasuk juga Jabatan Pendidikan sendiri yang mengatur program-program untuk pelajar hardcore terpilih... setakat ini memang kita dah untuk tempoh 5 bulan dah banyak sekolah kita masuk, dan sebelum ni kita ada program peruntukan kita di bawah kerajaan negeri Melaka untuk masuk, bukan panggilan maksudnya terus masuk ke sekolah, program kita bersama agensi Jabatan Agama, pihak polis dan juga satu unit di Jabatan Ketua Menteri.”

“...sebanyak Mungkin melalui media massa, surat khabar, radio kita bercakap dalam apa pun program-program pencegahan di JKK, di forum-forum terbuka, di majlis-majlis keramaian, kita gunakan termasuk juga pameran-pameran papan tanda. banner...Bersama

dengan agensi lain berceramah dengan agensi kerajaan swasta kita bercakap kemudian kita mewajibkan semua taklimat kepada pelajar IPT yang baru orientasi tu...”

“...yang ini dan kita juga bekerjasama dengan pihak sumber manusia di Jabatan Ketua Menteri, supaya semua jawatan kerajaan yang baru dilantik untuk kursus induksi, kita juga menyampaikan slot yang sama tentang Enakmen Kesalahan Syariah, supaya mereka tahu kalau mereka mengadakan tindakan yang bercanggah dengan tadi mereka boleh dibuang kerja... begitu juga kita masuk dia tentera...tentera yang melakukan kesalahan ni boleh dikenakan tindakan dibuang dan digantung perkhidmatan dan sebagainya... jadi rasanya kita dah berpuas hatilah dengan apa yang kita usahakan hanya bergantung kepada individu tersebutlah.”

Program dan kempen yang dijalankan memberi kesan positif dimana berlaku penurunan statistik kes pada 2016 berdasarkan temubual bersama Ketua Pendakwa syarie Melaka: *“...di Melaka ni sekitar 2013 sehingga tahun 2016 dia punya statistik tu menunjukkan meningkatlah, dan setiap seksyenlah meningkat, tetapi sampai tahun 2016 dia menurun sedikit... 2015 menurun sedikit dari segi tatasusila dan tatasusila yang kerap berlaku di sini kalau di mahkamah di negeri Melaka ni.”*

6.3 Kempen melalui media elektronik

Melalui temubual yang dijalankan bersama penulis, Ketua Penguatkuasa Agama Melaka memaklumkan *“seksyen 6 EKJS Melaka menyatakan sesiapa yang mengetahui niat atau seseorang tadi nak melakukan perbuatan maksiat dia hendaklah serta-merta memaklumkan niat ataupun buatan tersebut kepada pihak polis ataupun pihak PPA yang terdekat... kita war-warkan peruntukan tersebut di media sosial, di radio jadi orang ramai terus menyalurkan maklumat melalui pelbagai medium melalui email, melalui WhatsApp, melalui telefon... Di samping itu juga pihak kerajaan khususnya sering mewar-warkan supaya masyarakat menjadi mata dan telinga kerajaan apabila berlakunya kemungkaran dan penyelewengan... maknanya masyarakat digalakkan untuk menyalurkan kepada agensi kerajaan termasuk juga kita di bahagian penguatkuasa”*

6.4 Kempen Berpakaian Sopan Di Khalayak Awam Melalui Media Cetak Dan Papan Peringatan

Terbaharu, Bahagian Penguatkuasaan JAIM mewar-warkan melalui akhbar tempatan kempen menutup aurat serta etika berpakaian yang telah lama dilaksanakan di negeri ini. Beliau berkata umat Islam yang melakukan perbuatan, berkelakuan atau berpakaian tidak sopan di tempat awam yang bertentangan dengan hukum syarak boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 71 enakmen sama iaitu didenda maksimum RM1,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya. Tuan Rahimin Bani menyatakan bahawa statistik kes perbuatan tidak sopan termasuk berpakaian tidak sopan di Melaka menurun daripada 352 kes pada tahun 2015 berbanding 195 kes tahun 2016 adalah ekoran langkah peringatan dan kempen yang giat dijalankan JAIM dan pihak berkuasa tempatan (PBT) secara berterusan termasuk pemasangan papan peringatan berkaitan perbuatan tidak sopan dan etika berpakaian di tempat awam. Masyarakat bukan Islam juga turut diminta mematuhi etika berpakaian di tempat awam kerana ia turut tertakluk di bawah beberapa undang-undang termasuk di bawah Seksyen 268 Kanun Keseksan iaitu satu kesalahan yang menyebabkan kegusaran am kepada orang awam. BERNAMA, April 20, 2017

6.5 Pendekatan Baru Bagi Mengatasi Lambakan Kes

Melalui temubual yang dijalankan bersama penulis, Ketua Penguatkuasa Agama Melaka memaklumkan : *“kita juga sekarang ni buat pendekatan baru supaya semua kes di jamin di mahkamah dan ditentukan tarikh perbicaraan ini bagi mengatasi lambakan lambakan kes tertunggak... maknanya kalau kita tangkap malam tadi pagi ini terus bawa ke mahkamah untuk kes itu disebut pada tarikh yang ditentukan oleh mahkamah dan mereka hanya boleh dibebaskan apabila membayar sejumlah wang jaminan dan seorang penjamin di mahkamah supaya orang yang ditangkap malam tadi tu, dia beri tempoh anggaran sebulan sahaja untuk pegawai penyiasat siapkan kertas siasatan... Kalau mereka tak datang mereka boleh dikeluarkan waran tangkap berdasarkan permohonan pendakwa, dan sekiranya gagal dikesan wang tadi boleh dilupuskan, namun yang jadi bebanan ialah pegawai penyiasat kitalah terpaksa mengejar masa menyiapkan kertas siasatan...”*

7.0 Cabaran Dan Halangan Penguatkuasaan

Penguatkuasa agama dilihat sebagai satu-satunya pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk membendung perlakuan yang bertentangan dengan moral dan juga nilai-nilai agama. Namun, kuasa mereka adalah terhad kepada kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah sahaja. Sesetengah masyarakat menggelar mereka sebagai polis syariah atau pengintip yang menggugat hak privasi mereka.

Penulis telah menganalisis penulisan kajian-kajian yang dilakukan dan mendapati terdapat beberapa kekangan dan halangan dalam penguatkuasaan yang wujud di semua negeri seperti berikut:

1. Kekurangan kakitangan untuk menangani aduan dan juga membuat siasatan dan tangkapan.
2. PPA kurang mahir undang-undang kerana bukan berlatarbelakang undang-undang.
3. kekurangan kemudahan seperti kereta, alat-alatan moden untuk membantu mengumpul bukti.
4. Kekurangan sumber kewangan Kebanyakan negeri mendapat pembiayaan dari hasil dalam negeri, beberapa negeri mendapat pembiayaan dari MAIN dan Sabah mendapat pembiayaan dari Baitulmal. .
5. Tertakluk kepada arahan pengarah JAIN bagi negeri yang belum di lakukan pengasingan daripada JAIN.
6. Tiada skim perjawatan tetap.

Ketua Penguatkuasa Agama Melaka menyatakan beberapa kekangan dan halangan yang dihadapi oleh bahagian penguatkuasaan Melaka melalui temubual penulis bersama beliau seperti berikut :

*“Dari segi manpower kita memang tak mencukupi dengan beban tugas yang sedia ada... “
“... perlu kepada suatu penstrukturan ,contoh, tadi unit dalam organisasi unit waran tangkap tidak ada, tapi keperluan mesti diwujudkan..”*

. “... kekangan dari segi peruntukan undang-undang contohnya kita tak ada peruntukan reman... kita hanya mempunyai kuasa 24 jam untuk menahan suspek sedangkan kesalahan-kesalahan ajaran salah kesalahan-kesalahan yang perlu kepada tempoh penyiasatan yang lama tidak ada...”

“... kita masih lagi dalam keadaan dilema... bila kita tidak ada peruntukan untuk menyediakan bilik lokap kerana bidang kuasa menyediakan bilik lokap ni bukan bidang kuasa negeri, maknanya di bawah KDN dan ianya perlu diwartakan dan bila kita nak buat lokap kita tak ada autoriti.”

“Jadi kita gunakan latihan tadi bersama dengan pihak jakim, di Institut Latihan Islam Malaysia ... kursus dalaman berkala 3 hari 2 hari yang secara berterusan kepada PPA... namun kekangan bajet menyebabkan kursus tadi tak dapat diadakan...”

“... bila pegawai tadi telah pun berada di bahagian penguatkuasaan tempoh katakan 5 tahun mahir dalam bab siasatan, mahir dalam undang-undang, daripada S19 dia dapat S22 pindah ke bahagian lain ataupun daripada 41 sebagai pegawai unit operasi dia dah mahir dalam 6 tahun di bahagian operasi, naik pangkat 44 ,tidak ada gred 44 dibahagian kita ni, dia pindah ke bahagian lain,, maka masuklah orang baru proses yang sama melatih jadi itu antara kekangan yang ada..”

“kemudahan kemudahan fizikal yang lain pejabat yang sempit pejabat yang tak ada ruang yang mencukupi bilik rehat, simpan barang kes yang tak ikut spec yang sebenar... bilik kebal... ini benda-benda yang perlu di lihat...”

“... kemudahan kenderaan yang berpusat di bahagian penguatkuasaan... kebanyakan negeri tidak ada Melaka pun driver pun tak ada waran... Jadi kita nak supaya kenderaan diberikan peruntukan yang mengikut tempoh kalau kenderaan jabatan 10 tahun, 10 tahun lebih tak boleh... sekarang ni kenderaan kita dah lebih 10 tahun... keperluan asas tu mesti diutamakan lah...”

“...kemudian sebenarnya tidak semua pegawai yang bekerja di Jabatan Agama Islam berminat dengan bahagian penguatkuasaan... Sebab tu ianya perlu kepada motivasi skim-skim rangsangan contohnya skim elaun kritikal kita tidak ada maksudnya elaun kritikal.”

“...segi kemudahan kemudahan kebajikan PPA ini ruang bilik untuk menunggu, bilik rehat pegawai yang bekerja mesti ada contohnya... bilik rehat bilik persalinan ini kita tidak ada ruang itu... kemudian yang saya cadangkan bagi negeri-negeri yang nak menyusun atur ianya perlu kepada kuarters pegawai penguatkuasa... Bukan semua tapi ada pegawai penguatkuasa yang ditempatkan setempat yang boleh bergerak bila-bila masa.”

“... untuk kenaikan pangkat di pihak penguatkuasaan...daripada negeri panjang kepada SPA... oleh kerana kita ada JAKIM maka JAKIMlah akan jadi penyelaras seeloknya..”.

8.0 Saranan Penambahbaikan

Daripada kajian yang dijalankan penulis merumuskan beberapa saranan untuk dilaksanakan oleh pihak-pihak berkaitan.

1. Mewujudkan satu skim perjawatan khas bagi bahagian penguatkuasaan serta mensyaratkan latar belakang undang-undang bagi pegawai penguatkuasa agama seperti yang dilaksanakan di bahagian pendakwaan dengan permohonan melalui JAKIM.
2. Mengadakan kuarters khas bagi pegawai penguatkuasa agama bersifat setempat bagi memudahkan operasi dijalankan.
3. Memperuntukkan bajet tahunan untuk kursus Pegawai penguatkuasa Agama di JAKIM secara berkala.
4. Pengasingan urusan tadbir bahagian penguatkuasaan dari Jabatan Agama Islam Negeri.
5. Membina satu kerangka bahagian penguatkuasaan kepada dua bahagian. contoh kerangka A untuk negeri yang besar seperti Selangor, Pahang, Terengganu dan kerangka B untuk negeri kecil seperti Perlis, Melaka, Negeri Sembilan..
6. Mewujudkan unit risikan dan unit waran tangkap di bahagian penguatkuasaan .
7. Menetapkan bayaran hasil-hasil denda mahkamah syariah diserahkan kepada MAIN atau baitulmal untuk memudahkan permohonan bajet dan sebagainya. Rujukan boleh dibuat kepada amalan negeri Selangor dan Sabah.

9.0 Kesimpulan

Menegakkan yang makruf dan menjauhkan yang mungkar bukanlah satu tanggungjawab yang mudah. Dalam era globalisasi ini pelaksana undang-undang perlu mahir undang-undang juga pelbagai teknologi kontemporari bagi menangani taktik dan minda pesalah yang juga bersifat kontemporari. Justeru bahagian kehakiman, pendakwaan dan penguatkuasaan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, dalam melaksanakan peranan masing-masing sepatutnya dilihat sebagai badan yang telus, cekap, adil dan dihormati. Usaha yang berterusan dari pihak-pihak terbabit bermula dengan pengasingan bahagian pendakwaan dan penguatkuasaan dari JAIN dilihat sebagai langkah awal kearah pemantapan badan-badan ini. Sokongan dan kerjasama diantara badan-badan berkaitan juga amat penting dalam memperkasakan lagi usaha mendaulat undang-undang Islam khususnya undang-undang jenayah syariah ini. Penyeragaman undang-undang jenayah syariah juga dilihat sebagai satu langkah penting dalam memantapkan pelaksanaan undang-undang ini secara lebih berkesan dalam mencapai maqasid syariah *hifz al-din* di Malaysia amnya.

Penghargaan:

Penulisan e-prosiding ini merupakan sebahagian hasil kajian ilmiah di bawah Geran FRGS/1/2016/SSI10/KUIS/03/1, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah diberikan kepada penulis. Tempoh kajian ini bermula pada Julai 2016 hingga Julai 2018. Penulis melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang memberikan ruang dan peluang untuk melaksanakan kajian ilmiah di bawah Geran FRGS ini yang bertajuk: Model Keseragaman Peruntukan berkaitan Kesalahan Tatasusila dalam Enakmen Jenayah.

Rujukan

- Dr Zaleha Kamaruddin, 2011, *Memacu Transformasi Perundangan Islam Di Malaysia*, Jurnal Hukum, Jilid 32 Bhg 1, hlm 2
- BERNAMA, 14 April 2017, Kedaulatan Undang-Undang Dinilai Melalui Penguatkuasaannya.
www.malaysiakini.com/news/379096
- Rashidah Abd Rahim dan Shaidathul Suhana Ros, 20 April 2017, Jabatan Agama Islam Melaka Kuat Kuasa Undang-undang Pemakaian Tidak Sopan, BERNAMA
http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?id
- Ibrahim Deris, Hanifah Haydar Ali Tajuddin, 2015, Penggunaan Garis Panduan Dan Etika Dalam Penambahbaikan Perjalanan Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Kesalahan Syariah, 27 KANUN(1), JANUARI, hlm. 102
- Siti Zubaidah Ismail, 2008. Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis, Jurnal Syariah, Jil. 16, Keluaran Khas (2008) 537-554
Laman sesawang rasmi JAIM: (<http://penguatkuasaanjaim.blogspot.my/p/info-bahagian.html>)
(<http://www.jaim.gov.my/Bahagian/Penguatkuasaan>)
- Mohd Azhar Bin Abdullah. Konseptual Kesusilaan Di Malaysia: Satu Sorotan Menurut Perspektif Perundangan. Jurnal Of Asian Islamic Higher Institutions(JAIHI). Volume 1, Issue 1(2015).
- Temubual bersama Tuan Rahimin bin Bani, KPPA Melaka, 7 Jun 2017, 10-11 pagi, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka.
- Temubual bersama Ketua Hakim Syarie Melaka Y.A.A. Datuk Haji Mohd Radzi Bin Hj. Abd Latif, 23 Mei 2017, 3.00 -4 petang, Mahkamah Syariah Negeri Melaka, Kompleks Mahkamah Syariah Melaka, Jalan Ayer Keroh Lama .

Temubual bersama Ketua Pendakwa Syarie Melaka, Tuan Azmi bin Ibrahim, 23 Mei 2017,
10-11 pagi, Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Melaka.

STATUT

Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991
Enakmen jenayah syariah Negeri-negeri